

Rawat tiroid tanpa parut

» Aplikasi kamera endoskop lakukan pembedahan hirisan kecil menerusi skrin komputer


Oleh Rashiqah Ilmi
Abd Rahim
rasyiqah@bh.com.my

Penghidap tiroid biasanya gerun untuk melakukan pembedahan kerana bimbang hirisan pada leher meninggalkan parut yang boleh menjejaskan penampilan.

Akibatnya, sesetengah pesakit mengambil keputusan tidak melakukan pembedahan sebagaimana dinasihatkan pakar, walhal pembedahan adalah satu kaedah rawatan paling berkesan bagi penyakit selain ubat-ubatan.

Pembedahan atau penyingkiran tiroid dilakukan bagi mengeluarkan kelenjar tiroid yang berada di leher. Kelenjar ini menghasilkan hormon yang bertindak di seluruh badan mempengaruhi metabolisme, pembesaran dan

Arteri
Urut
Saraf berhubung dengan pangkal tekak



suhu badan.

Penyingkiran tiroid perlu dilakukan untuk merawat barah tiroid, nodul dan hyper-tiroidisme. Semasa pembedahan sebahagian atau semua kelenjar tiroid akan dikeluarkan.

Kini, pesakit tiroid tidak perlu bimbang dibedah kerana pakar perubatan di negara ini berjaya mempelopori kaedah terkini merawat ketumbuhan kelenjar tiroid tanpa meninggalkan sebarang kesan parut di leher.

Mudah keluarkan ketumbuhan

Kaedah pembedahan yang dikenali sebagai endoskopi tiroidektomi ini boleh dibuat tanpa melakukan sebarang hirisan pada leher, sebaliknya satu hirisan kecil sepanjang satu sentimeter akan dilakukan di bawah tulang klevikal iaitu pada dada.

Pakar Perunding Bedah Payudara dan Endokrin, Pusat Perubatan Universiti



Kebangsaan Malaysia (PPUKM), Prof Madya Dr Shahrin Niza Abdullah Suhaimi, berkata menerusi hirisan itu, satu kamera endoskop dan peralatan lain yang halus akan dimasukkan ke dalam leher dan pembedahan dilakukan dengan melihat kepada skrin monitor.

“Sebelum ini kaedah konvensional iaitu dengan melakukan hirisan di leher pesakit untuk mengeluarkan ketumbuhan tiroid mencecah hingga enam ke tujuh sentimeter panjang.

“Bagi pesakit yang mempunyai kulit sensitif, hirisan pada leher meninggalkan parut yang boleh menjejaskan penampilan,” katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Dr Shahrin berkata, pembedahan hanya dilakukan bagi merawat ketumbuhan tiroid yang kecil, bersaiz antara tiga hingga lima sentimeter manakala bagi kes kritikal pesakit perlu menjalani kaedah pembedahan konvensional.

Trakea
(salur udara)



BH 2/8/14 MS E

Larinks
(Kotak suara)

Kelenjar tiroid

Kelenjar paratiroid
(belakang tiroid)

merawat ketumbuhan kelenjar tiroid sudah lama dilakukan di luar negara seperti di Jepun, tetapi peralatan yang digu-



Kesan sampingan perubahan hormon

Fungsi kelenjar ini, kata beliau, bertujuan merembeskan hormon yang dipanggil hormon tiroid. Iodin ialah komponen utama penghasilan hormon ini. Hormon ialah bahan merangsang tisu badan untuk 'bekerja'.

Katanya, dalam kata lain, ia menentukan kadar metabolisme dalam badan. Jika berlaku masalah pada kelenjar itu dan jumlah hormon tiroid meningkat, kadar metabolisme dalam badan juga meningkat. Keadaan ini, dipanggil hyperthyroid, di mana hiper bermaksud lebih.


"Di dalam keadaan rembe-

"Ujian darah mengesahkan sama ada anda menghadapi masalah berkenaan atau tidak seterusnya mengenal pasti punca hyperthyroid.

"Ujian ultrasound atau scan boleh dilakukan jika kelenjar pada leher membengkak atau ujian darah mengesahkan anda menghadapi masalah hyperthyroid," katanya.

Selain itu, ujian menggunakan cecair iodin boleh dijalankan, bergantung penilaian klinikal oleh pakar.

Rawatan untuk hyperthyroid berbeza bergantung kepada berapa banyak hormon tiroid yang dirembeskan dan bergantung pada jenis penyebab masalah itu.



nakan begitu canggih dan menelan kos yang tinggi.

“Di negara ini, kaedah sama diubah suai berdasarkan inovasi menggunakan peralatan sedia ada selain kosnya yang rendah.

“Buat masa ini, kaedah baru ini menyumbang kepada pesakit tanpa memerlukan pelaburan besar, namun tidak ramai memilih melakukannya kerana beranggapan kosnya lebih tinggi,” katanya.

Pakar kendalikan rawatan

Mengenai kepakaran melakukan pembedahan itu, Dr Shahrin berkata, negara mempunyai kira-kira 30 pakar yang mampu melakukan pembedahan itu.

“Ini kerana seseorang pakar perlu mengambil masa melakukan pembedahan berkenaan. Mereka perlu melakukan sekurang-kurangnya 10 hingga 20 pembedahan untuk mahir,” katanya.

Dianggarkan seramai 50 pesakit sudah menjalani pembedahan itu di PPUKM sejak tahun 2010.

Mengulas mengenai penyakit itu, Dr Shahrin berkata, tiroid sejenis penyakit yang menyerang dalam kalangan wanita yang berumur antara 25 hingga 40 tahun.

Ia adalah kelenjar yang terletak pada bahagian leher manusia dan antara kelenjar terbesar dalam badan. Kebiasaannya, kelenjar ini tidak kelihatan dan permukaan kulit leher seolah-olah menjadi rata.

Dr Shahrin berkata, tidak semua bengkak pada leher ialah kelenjar tiroid dan tidak semua kelenjar yang bengkak bermasalah.

san hormon ini menjadi berlebihan, kadar metabolisme atau pekerjaan tisu badan menjadi meningkat dan laju.

“Keadaan ini menyebabkan seseorang itu mempunyai simptom seperti jantung berdebar, sesak nafas, cemas, tangan mengeletar dan berpeluh.

“Rasa berpeluh turut dirasai dalam cuaca atau persekitaran dingin. Mereka juga kelihatan gelisah, cepat marah, haid tidak teratur dan susut berat badan dengan mendadak walaupun selera makan bertambah,” katanya.

Katanya, sekiranya hormon dirembeskan terlalu banyak secara tiba-tiba, pesakit mengalami beberapa simptom seperti jantung menjadi laju.

Pesakit juga merasai keadaan sesak nafas, loya, suhu badan meningkat, keliru dan akhirnya degupan jantung gagal berfungsi dan boleh mengakibatkan koma.

Jalani ujian darah

“Rawatan kecemasan perlu diberi jika simptom ini berlaku. Keadaan ini dipanggil Thyroid Storm. Justeru, penting untuk mereka yang disyaki atau mempunyai simptom hyperthyroid membuat pemeriksaan.

Ubat untuk merendahkan paras hormon tiroid dan mengurangkan kadar denyutan jantung biasanya diberi jika perlu untuk mengelak berlakunya *thyroid storm*.

Pilihan lain ialah dengan membuat pembedahan membuang kelenjar tiroid atau memulakan rawatan khas menggunakan cecair iodin. Selain itu, pesakit dinasihatkan tidak memakan rumpai laut yang kaya dengan kandungan iodin.



Mempercepatkan tempoh rawatan

Selain itu, katanya pesakit hanya perlu berada di wad dalam tempoh yang cukup singkat.

“Kebanyakan pesakit yang sudah menjalani pembedahan berpuas hati dengannya kerana kesakitan kurang berbanding pembedahan konvensional.

“Rata-rata pesakit akan mengalami kebas di bahagian kelenjar dalam tempoh tiga hingga enam bulan sebelum pulih sepenuhnya,” katanya.

Katanya, kaedah sama

SEBELUM INI KAEDAH KONVENSIONAL IAITU DENGAN MELAKUKAN HIRISAN DI LEHER PESAKIT UNTUK MENGELUARKAN KETUMBUHAN TIROID MENCECAH HINGGA ENAM KE TUJUH SENTIMETER PANJANG”

Prof Madya Dr Shahrin Niza Abdullah Suhaimi, Pakar Perunding Bedah Payudara dan Endokrin, PPUKM